

Berita **BANDARAYA**

Kuala Lumpur City News

Layari Berita Bandaraya di www.dbkl.gov.my
Bil.1 Januari 2005/Zulhijjah 1425H

ISSN 1675-1876 Naskhah Percuma

D E W A N B A N D A R A Y A K U A L A L U M P U R

2005 - KL MESTI LEBIH AGRESIF

Kuala Lumpur mesti lebih agresif dalam menghadapi tahun 2005. Perkara ini telah ditekankan oleh Y.B. Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad, Menteri Wilayah Persekutuan pada perhimpunan pagi pertama Kementerian Wilayah Persekutuan tahun 2005 yang telah diadakan di Kementerian Wilayah Persekutuan, Putrajaya. Perhimpunan ini turut dihadiri oleh YB Encik Yew Teong Look, Setiausaha Parliment Kementerian Wilayah Persekutuan, Y.Bhg. Dato' Dr. Zulkarnain bin Hj. Awang, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin bin Hj. Hasan, Datuk Bandar Kuala Lumpur serta Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL.

Menurut

YB Tan Sri Hj. Mohd. Isa lagi, didapati 70% daripada urusan yang perlu diatasi ialah berkaitan dengan hal-hal pembangunan di Kuala Lumpur. Antara isu-isu yang masih menjadi perhatian banyak pihak ialah berkaitan dengan masalah kebersihan, pengangkutan awam, kesesakan lalulintas, banjir, jenayah dan keselamatan, masalah sosial, setinggan dan penjaja. Masalah ini merupakan masalah yang berterusan dan menjadi cabaran kepada semua pihak untuk mentadbir Kuala Lumpur dengan cemerlang.

Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan walau pun negara masih berduka kerana ditimpa bencana, namun kita mesti bersyukur dan melihat secara positif cabaran yang bakal dihadapi pada masa hadapan. Bencana yang menimpa negara ini dan negara jiran seharusnya dijadikan pengajaran.

Bagi menghadapi tahun baru 2005, YB Menteri berkata, "janganlah kita berasa kecewa jika tedapat azam tahun 2004 tidak dapat dicapai, tetapi harus memandangnya secara positif dengan membuka lembaran baru supaya segala impian dan kesilapan yang lalu dapat diperbetulkan.". Sikap seperti itu seharusnya diterjemahkan ke dalam urusan harian semasa menjalankan tugas sebagai penjawat awam untuk menjayakan misi kerajaan yang mahu menjadikan negara ini Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

Beliau juga menyatakan bahawa masih banyak perkara-perkara penting yang tidak dapat diselesaikan dan yang memerlukan perhatian dan tindakan segera pada tahun 2005. Oleh yang demikian, Kementerian



Y.B. Tan Sri Hj.
Mohd. Isa bin Dato'
Hj. Abdul Samad,
Menteri Wilayah
Persekutuan



Bandaraya Kuala Lumpur berkembang dengan pesat sebagai pusat perniagaan dan pelancongan negara. - Gambar Berita Bandaraya


Wilayah Persekutuan telah dipertanggung-jawabkan untuk memandu arah tuju dan memantau pembangunan di tiga wilayah iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Kuala Lumpur sebagai Ibu Negara, Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran dan Labuan pula sebagai Pusat Kewangan Persisiran Pantai dan Pelancongan negara merupakan tumpuan dan kepentingan negara Malaysia.

Menurut YB Menteri lagi, Kuala Lumpur harus diberi penekanan sewajarnya memandangan

Kuala Lumpur telah wujud sekian lama dan pembangunan dijalankan begitu pesat, justeru itu Pelan Struktur Kuala Lumpur yang telah disediakan merupakan satu dokumen penting sebagai panduan memandu arah tuju Kuala Lumpur sehingga tahun 2020. Beliau berharap dengan adanya PSKL 2020, akan memudahkan DBKL mengawal dan menyelaras pembangunan di Kuala Lumpur untuk menjadikannya satu destinasi pelaburan yang menarik dan selamat.

Tidak ketinggalan YB Menteri juga menyebut warga kota perlu sedar akan tanggungjawab mereka dan pentingnya mereka menghargai kemudahan yang disediakan kerana mereka juga menyumbang ke arah pembentukan masyarakat yang mempunyai nilai-nilai murni dan untuk itu, DBKL perlu berusaha meningkatkan kesedaran di kalangan warga kota. Konsep Bandar Selamat yang telah dilaksanakan oleh kerajaan hanya akan berjaya jika mendapat usaha bersepadu daripada agensi terbabit dan orang ramai. Semoga rungutan dan aduan oleh warga kota dapat dikurangkan dan Kuala Lumpur akan maju dari segi fizikal dan spiritual penduduknya.

Dari Meja Datuk Bandar



Tanggal 1 Februari 2005, kita bersama-sama menyambut dan meraikan Hari Wilayah yang ke 31. Lebih tiga dekad telah berlalu, terlalu banyak yang telah diharungi dan boleh diperkatakan. Dalam tempoh lebih kurang 31 tahun, saya telah menyaksikan sendiri pelbagai pembangunan dan kemajuan yang dicapai oleh Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur bermula sebagai sebuah perkampungan kecil dalam tahun 1857 dan didiami kira-kira 80 orang penduduk sahaja. Pada masa itu, kebanyakannya bekerja sebagai pelombong bijih timah. Kini setelah 148 tahun berlalu, Kuala Lumpur telah menjadi nadi utama, pusat kerajaan, komersil dan lain-lain. Kita boleh berbangga kerana kemajuan pesat yang dimiliki hari ini dapat diakongsi bersama oleh seluruh warga kota yang berjumlah 1,5 juta orang, terdiri daripada berbilang kaum dan berasal dari berbagai umur dan status.

Kuala Lumpur tidak lagi seperti itu, tidak lagi rumah beratap rumbia tetapi telah menjadi sebuah bandaraya metropolitan yang mempunyai bangunan-bangunan pencakar langit dengan Menara Berkembar Petronas setinggi 88 tingkat yang diiktiraf sebagai menara berkembar tertinggi di dunia. Sedikit demi sedikit, Kuala Lumpur berevolusi ke arah bandaraya bertaraf dunia dan menjadi pusat kewangan, perdagangan, komersil, bursa saham sekaligus sebagai pusat ekonomi serantau. Dengan iltizam untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai "Bandaraya Bertaraf Dunia", DBKL telah menyuntik pelbagai usaha bagi mencapai visi ini.

Semasa kita dalam perjalanan untuk mengubah Kuala Lumpur dengan prasarana bertaraf dunia, saya berasa sedih melihat adanya segelintir warga kota yang telah mencacatkan imej Kuala Lumpur dengan corak pemikiran yang tidak sejajar dengan pembangunan dan kemajuan yang dimiliki oleh Kuala Lumpur.

Masih banyak perkara yang perlu diberi per-

hatian terutama dalam kebersihan, pembangunan kebudayaan dan juga menghargai harta awam. Masalah vandalisme dan merosakkan kemudahan awam seperti tandas, telefon awam, kemudahan taman dan tempat rekreasi masih lagi berlarutan tanpa menunjukkan tanda-tanda ianya akan berakhir dalam masa terdekat.

Sikap ini bukan sahaja membebankan dan membazirkan wang pembayar cukai tetapi juga menonjolkan imej yang kurang baik kepada dunia memandangkan kita dikenali sebagai negara yang sedang pesat membangun. Membuang sampah mera-ta-rata termasuk sungai-sungai tanpa mengambil kira implikasi yang bakal ditimbulkan menyebabkan masalah sosial ini gagal menemui noktahnya. Apatah lagi warga kota menyumbang lebih kurang 2,500 tan sampah setiap hari.

Apa yang kita perlukan hari ini ialah warga kota yang berdisiplin dan matang agar kita boleh berbangga dengan apa yang kita miliki iaitu sebuah persekitaran yang bersih di dalam sebuah bandaraya yang indah.

Mewujudkan sebuah persekitaran yang selamat, bersih dan cantik sekaligus selesa untuk didiami menjadi keutamaan saya – tanpa sampah sarap, penjagaan tidak bertesen dan penyakit berjangkit seperti denggi. Sebuah bandaraya yang dipenuhi dengan kehijauan seperti sebuah taman yang indah diserikan dengan pelbagai aktiviti-aktiviti seni kebudayaan menjadikan Kuala Lumpur 'syurga kepada para pelancong dan peminat seni'.

Semasa kita meraikan Hari Wilayah yang ke 31 dan Ulangtahun ke 33 Penubuhan Bandaraya, marilah kita berganding bahu dalam usaha untuk menonjolkan Kuala Lumpur sebagai sebuah Bandaraya Bertaraf Dunia.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan 'Selamat Menyambut Hari Wilayah' kepada semua warga kota. Marilah kita bersama-sama mewujudkan sebuah bandaraya yang kita idam-idamkan sekaligus boleh dibanggakan bukan sahaja di Malaysia tetapi di dunia.

Pandangan

BERITA BANDARAYA akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai amnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada: Sidang Redaksi **BERITA BANDARAYA** Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 29 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut 50350,Kuala Lumpur. e-mel akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9013 Faks: 03-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyerat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

Sidang Redaksi

Penasihat: Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan Ketua Editor: Tuan Hj. Salleh Bin Yusup Editor: Hanim Binti Hj. Hashim Sub-Editor: Zurida Binti Hashim, Suriyana Binti Ismail, Mohd. Syahrizal Bin Md.Dam Jurufoto: Abd. Rhani Bin Md. Shohor

From the Mayor's Desk

On February 1, 2005 we will together be celebrating the 31st Federal Territory Day incorporating the 33rd City Day Anniversary Celebrations. Over the last three decades much 'water has passed under the bridge' so to say.

Over the last 31 years, I too have seen much development and tremendous progress in the city. Kuala Lumpur which started as a tin mining village in 1857 had a population of about 80 people comprising mostly of tin mining settlers. Today 148 years down the road, Kuala Lumpur the Federal Capital boasts of a heterogenous and multinational population of about 1,524,000 inhabitants.

The city today is no more a colony of thatched roof huts, but a bustling Metropolis with high rise buildings and boasts of one of the tallest twin towers in the world. It is slowly but surely evolving into an international financial, banking business, commercial, stock broking hub and centre in Asia. With the clarion call of making the city 'A World Class City - A garden city of lights', City Hall Kuala Lumpur has injected much effort to achieving this vision.

While we are on the journey of transforming it into a city with world class infrastructure, I am glad to note that some sections of the population have marred and tarnished the city's image with their 'third world mentality'.

There is a dire need to improve on our maintenance culture, respect for public property, safeguarding and maintaining the various public facilities and amenities provided by City Hall and the private sector.

Vandalism and destruction of public facilities like toilets, public phone booths, amenities in parks and recreation areas has not abated.

Wanton and senseless destruction of public property not only costs the taxpayers money but also reflects on our status as a developed country. Littering and dumping of garbage carelessly all over the city and into our waterways is an endless problem as we continue to generate about 2,500 tonnes of rubbish everyday.

What we need today is a mature, disciplined society that can be proud to declare to the whole world that we live in a clean environment, in a city that is beautiful in all aspects.

Creating a safe, clean and beautiful environment and a living and livable habitat is my priority, devoid of garbage, illegal hawkers and infectious diseases. A garden city with parks and greenery and cultural activities including the performing arts to make it the mecca for tourists.

On this day when we celebrate our 31st Federal Territory and 33rd City Day Anniversary let us together pledge to project the city as a World Class City in the true letter and spirit of our shared and common vision. I wish all residents, "Happy City Day". Let us together build Kuala Lumpur and move it to greater heights.



PROPOSAL TO BUILD MULTI TIERED JUNCTION

A multi tiered junction will be built at the Jalan Cheras/Taman Segar/Taman Taynton crossroads. Physical infrastructural works for the flyovers at the said locations started on 15 January 2005.

Vehicles travelling along both directions through

Cheras between the Taman Cheras/Taman Billion roundabout and the junction to the East-West Link near Taman Connaught are advised that a 4.5 metre height restriction will be in force from 15 January 2005 – 14 September 2005 at the said site.

This is to facilitate construction activities for the flyovers at the junction. Motorists are warned to adhere to road signages and observe the height restriction.

The temporary inconvenience is regretted.

EDITORIAL BOARD

Advisor: Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan, **Editor in Chief:** Tuan Hj. Salleh Bin Yusup **Editor:** Hanim Binti Hj. Hashim, **Sub-Editors:** Zurida Binti Hashim, Suriyana Binti Ismail, Mohd. Syahrial Bin Md Dam, **Photographer:** Abd. Rhani Bin Md. Shohor, **Editor's Address:** Kuala Lumpur City News Public Affairs & International Unit, Level 29, City Hall Building, Jalan Raja Laut, 50350, KL Tel : 03 2617 9013 Fax: 03 2694 1373 e-mail : akhbar@dbkl.gov.my